

FPP BizNewz

December 2020 – May 2021

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PEMBELI RUMAH:**
Pembeli vs Pemaju
Perumahan

Is Working from Home
a Dream-Come-True
for Introverts or
Vice Versa?

Market Reaction to
PRIVATE PLACEMENT

BELAJAR DENGAN
TikTok

HIBAH:
Alternatif kepada
Pengurusan Aset
Islam di Malaysia

BENGKEL PEMANTAPAN
**PENULISAN ARTIKEL
UNTUK PENERBITAN**

**BERSELAWATLAH,
TANDA KASIH KEPADA
RASULULLAH S.A.W.**

E-DOMPET
DI MALAYSIA:
SATU TINJAUAN



ONE JOURNEY
COMES TO AN END
AND ANOTHER **BEGINS**



Photo by:
M Rishal
on Unsplash

e-Bulletin of the Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811

BENGKEL PEMANTAPAN PENULISAN ARTIKEL UNTUK PENERBITAN



Dr. Mohamad Shukri Johari
Dr. Zuriyati Ahmad
Ruzaidah Sulong @ A. Rashid
Roseziahazni Abd. Ghani
A'tiqah Rashidah Abu Samah
Haslenna Hamdan
Nur Azwani Mohamad Azmin
Zalinawati Abdullah
Zuraida Mohamed
Siti Fatimah Mardiah Hamzah
 Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
 UiTM Cawangan Terengganu

1. TUJUAN

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) telah berjaya mengadakan *National Finance and Management Conference 2019 (NaFMaC)* pada 29 September 2019 (Ahad). Konferensi ini adalah julung-julung kali diadakan dan tujuan pelaksanaannya adalah sebagai platform untuk mahasiswa UiTM khususnya dan para penyelidik amnya untuk berkongsi cetusan idea-idea penyelidikan baru dalam bidang kewangan dan pengurusan di dalam persekitaran yang kompetitif. Sebagai kesinambungan daripada *NaFMaC 2019*, Bengkel Pemantapan Penulisan Artikel Untuk Penerbitan telah dilaksanakan untuk memberi peluang kepada para pensyarah FPP yang telah membentangkan hasil penyelidikan dan penulisan dalam *NaFMaC 2019* untuk mengemaskini artikel agar lebih berkualiti dan seterusnya dihantar ke jurnal yang berimpak tinggi (*high impact*). Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memastikan lebih banyak artikel yang dihasilkan memenuhi kriteria atau syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak penerbit jurnal.

2. OBJEKTIF

Objektif Bengkel Pemantapan Penulisan Artikel untuk Penerbitan ini ialah untuk:

- Mencapai sasaran penulisan yang telah ditetapkan untuk setiap pensyarah iaitu dua penulisan setahun.
- Membantu para pensyarah mengesan kesalahan yang dilakukan dalam penulisan artikel supaya dapat ditambahbaik bagi memenuhi keperluan penerbit jurnal.
- Menekankan kaedah penulisan artikel yang berkualiti supaya dapat diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi.
- Membantu para pensyarah menaikkan mutu keserjanaan dalam bidang masing-masing.
- Memenuhi KPI Perancangan Strategik FPP dalam Teras 4 (Penyelidikan dan Penerbitan).

3. PELAKSANAN

Bengkel ini telah berjaya dilaksanakan pada 15 April 2021 (Khamis) bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang melalui platform *Google Meet*. Seramai 27 orang pensyarah dari pelbagai bidang telah menyertai bengkel ini yang terdiri daripada para penulis artikel dan juga pensyarah lain yang berminat untuk mendapatkan input berkenaan kaedah penulisan artikel untuk jurnal berimpak tinggi. Seramai 13 orang panel yang terdiri daripada 5 orang panel luar yang berpengalaman, iaitu Profesor Madya Dr. Khatijah Omar, Profesor Madya Dr. Marhana Mohamed Anuar, Profesor Madya Dr. Nik Hazimah Nik Mat (UMT), Dr. Nur Zahidah Bahrudin (UiTM Kampus Puncak Alam), dan Profesor Madya Dr. Mohd Rizaimy Shahrudin dari UiTM Kampus Kedah dan juga 8 orang panel dalaman yang terdiri daripada pensyarah FPP mengikut bidang masing-masing telah terlibat secara langsung dalam bengkel ini untuk berkongsi pengalaman cara penulisan artikel dan juga memberi komen pada artikel yang telah siap dihasilkan. Para penulis diberi masa selama dua (2) bulan untuk memperbaiki artikel dan seterusnya akan diterbitkan ke jurnal-jurnal yang bersesuaian mengikut bidang masing-masing.

4. KESIMPULAN

Penghasilan artikel yang gagal memenuhi kriteria pihak penerbit jurnal mengakibatkan para pensyarah FPP tidak dapat membuat penerbitan artikel dan seterusnya gagal untuk mencapai sasaran KPI keserjanaan mereka. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan agar bengkel ini membantu menaikkan semangat para pensyarah FPP supaya dapat menerbitkan artikel mereka dalam jurnal berimpak tinggi.

• • •



FPP BizNewz

December 2020-May 2021
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811